

Harga simen kekal

Keputusan itu dicapai hasil pertemuan kerajaan dengan penggiat industri simen

PUTRAJAYA

Penggiat industri simen di Malaysia bersetuju untuk tidak menaikkan harga simen.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, keputusan itu dicapai hasil pertemuan beliau dengan pemain industri tersebut kelmarin, susulan ura-ura akan berlaku kenaikan harga simen sehingga 50 peratus.

"Mereka ada menyatakan beberapa alasan untuk menaikkan harga simen ekoran peningkatan kos dan selain kenaikan harga bahan import untuk membuat simen akibat kelemahan ringgit.

"Bagaimanapun, hasil pertemuan semalam (kelmarin) mereka bersetuju untuk tidak menaikkan harga simen," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan di sini semalam.

Terdahulu Saifuddin pada Isnin lalu berkata, notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dikeluarkan kepada 19 kilang penge-



Penggiat industri pembinaan bersetuju untuk tidak menaikkan harga simen.

luar simen seluruh negara untuk mendapatkan penjelasan susulan laporan bahawa harga bahan binaan itu akan naik secara mendadak.

Dalam pertemuan kelmarin, Saifuddin berkata, pemain industri simen itu juga diingatkan untuk mengadakan rundingan terlebih dahulu dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) jika ingin menaikkan harga barangan tersebut ekoran simen adalah barang kawalan di negara ini.

Beliau menegaskan, sekiranya pemain industri masih menaikkan harga bahan tersebut, mereka akan didakwa kerana telah melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sementara itu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, kerajaan tekad memastikan harga barangan asas terkawal dan memandang serius peningkatan harga simen seperti yang dilaporkan.

"Kerajaan akan terus melaksanakan peranan sebagai pengawal selia yang berkesan untuk memastikan harga simen kekal berdaya saing dan tidak dinaikkan berdasarkan faktor-faktor monopoli," katanya. - Bernama



SAIFUDDIN